



**PEMBELAJARAN
DIGITAL**
**Memperkukuh
Kemahiran Komunikasi**

UJIAN

Teknologi era digital yang semakin meluas pada masa ini telah membawa dimensi baharu dalam bidang pendidikan, terutamanya pembelajaran digital.


Pembelajaran digital merupakan suatu alternatif yang dapat menyediakan sumber pembelajaran secara mudah dan dapat diakses oleh semua orang. Secara asasnya, pembelajaran digital tertumpu pada penggunaan teknologi dan pendigitalan bahan secara berkesan. Pada tahun 2019, pembelajaran digital global dilaporkan mencecah AS\$18.66 bilion dan dijangka meningkat pada AS\$350 bilion menjelang tahun 2025.

Berkaitan dengan hal ini, Anjakan ketujuh Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013 – 2025) turut menggariskan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP). Langkah tersebut bertujuan untuk meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia seiring dengan keperluan semasa. Untuk menyokong hasrat ini, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperkenalkan pelantar pembelajaran digital MOE-DL untuk membantu guru memuat naik bahan PdP dan mengikuti latihan secara dalam talian. Pada tahun 2020, KPM telah melancarkan pelantar pendidikan digital baharu yang dikenali sebagai DELIMa (Digital Educational Learning Initiative Malaysia), hasil kerjasama dengan Google, Microsoft dan Apple. Pelantar ini kemudian dijenamakan semula sebagai DELIMa 2.0 yang menggabungkan tiga ciri penting, iaitu pembelajaran peribadi, pengalaman pengguna dan penggunaan analisis data. Penjenamaan ini selari dengan satu daripada teras Dasar Revolusi Perindustrian Keempat (4IR), iaitu memfokuskan pembangunan infrastruktur digital. Dalam hal ini, masyarakat perlu agresif dalam usaha memanfaatkan teknologi digital agar pembelajaran yang inovatif dan kondusif dapat dilaksanakan secara berterusan.

Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan Universiti Awam (UA) juga tidak terkecuali daripada melaksanakan pembelajaran digital. Anjakan ini merupakan suatu transformasi dalam PdP berikutan keperluan yang mendesak, terutama apabila dunia dilanda COVID-19. Hal ini diakui oleh Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), bahawa COVID-19 merupakan pemangkin dan peralihan besar ke arah penyampaian kaedah PdP secara dalam talian. Keadaan tersebut secara tidak langsung telah membuka lembaran baharu dalam sejarah dan perkembangan pendidikan di UPM, meningkatkan kemahiran staf akademik

serta menghalusi peranan infrastruktur universiti untuk memenuhi keperluan semasa.

Hakikatnya, COVID-19 telah membuka ruang yang lebih luas kepada masyarakat dunia untuk meneroka pembelajaran digital dengan berkesan. Norma baharu dalam PdP menuntut golongan pelajar untuk mengadaptasikan pembelajaran berteraskan teknologi dan pendigitalan. Terdapat pelbagai pelantar yang disediakan seperti Webex, Zoom, Google Meet, Microsoft Teams dan lain-lain lagi. Pada masa ini, Dasar Pendidikan Digital sedang digubal



Pembelajaran digital yang interaktif dan mudah diakses menjadi tarikan kepada generasi pada masa ini.

untuk meningkatkan penguasaan murid dalam teknologi digital, memperkaya kandungan digital yang berkualiti, memperkasakan kompetensi guru, dan membudayakan penggunaan teknologi digital dalam kalangan pemimpin pendidikan. Melalui dasar ini, negara dapat melahirkan generasi yang berpengetahuan luas, berkemahiran dan beretika dalam penggunaan teknologi digital. UPM merupakan antara UA yang telah mengambil inisiatif untuk membina infrastruktur fizikal yang kondusif dan interaktif seperti PUTRA Learning Space (PLS) dan PUTRA Innovation Studio (PIS) bagi membangunkan bahan pembelajaran digital. Universiti Sains Malaysia (USM) pula muncul sebagai universiti terawal di Malaysia yang memperkenalkan perpustakaan berkonsepkan realiti maya (metaverse). Adaptasi terbaharu ini membolehkan pengguna mendapatkan maklumat dalam bentuk tiga dimensi, terutama berkaitan dengan model anatomi dan perubatan.

Konsep Pembelajaran Digital

Konsep pembelajaran digital yang interaktif dan mudah diakses menjadi tarikan kepada generasi pada masa ini, terutama golongan pelajar yang gemar meneroka iklim pembelajaran baharu. Pembelajaran yang segar, santai dan fleksibel secara tidak langsung dapat memupuk budaya pembelajaran yang positif, sekali gus melahirkan masyarakat celik teknologi. Tidak dinafikan bahawa pembelajaran digital mempunyai cabaran yang tersendiri, namun manfaatnya terhadap pembangunan diri individu sangat banyak. Dalam konteks komunikasi, pembelajaran digital merupakan alternatif terbaik untuk merencanakan proses pembelajaran terutama dalam meningkatkan penguasaan bahasa dan kemahiran bertutur. Dengan kata lain, pelajar dapat meningkatkan kemahiran insaniah, mengasah potensi diri dan membina keyakinan dalam bidang pengucapan awam. Sebagai contoh, MyCoolClass merupakan pelantar pembelajaran bahasa terbaik berdasarkan perkembangan terkini dalam bidang pendidikan. Pembelajaran digital ini membolehkan pelajar mempelajari bahasa global seperti Sepanyol, Jerman, Perancis dan Korea mengikut keselesaan masing-masing. Khidmat guru bahasa yang terbaik boleh didapati secara langsung tanpa mengkehendaki pelajar ke luar negara. Sehubungan dengan itu, pelajar perlu memanfaatkan peluang ini dengan sebaik-baiknya kerana pembelajaran bahasa secara digital dapat menjimatkan kos, masa dan tenaga. Penguasaan lebih daripada satu bahasa global tentunya akan memberikan nilai tambah kepada pelajar dan berdaya saing di arena antarabangsa.

Pembelajaran digital juga dapat meningkatkan keyakinan diri pelajar, terutama mereka yang diselubungi perasaan takut dan malu untuk berkomunikasi di hadapan

khalayak atau secara bersemuka. Untuk menangani permasalahan ini, perisian EdTech (Education & Technology) telah direka bagi membantu melicinkan proses PdP antara guru dengan pelajar. Tujuannya adalah untuk mewujudkan komunikasi interaktif dan meningkatkan hasil pembelajaran. Dengan perisian EdTech, pelajar dapat menjawab dan mengemukakan soalan tanpa memberitahu namanya. Hal ini secara tidak langsung dapat meredakan ketakutan pelajar kerana identiti mereka dapat disembunyikan daripada orang lain.


Berikutan itu, pelajar berasa selesa dan lebih bersedia untuk berkongsi pandangan atau kritikan secara terbuka. Kaedah ini dapat membantu pelajar untuk menangani perasaan gugup dan gementar sesama berkomunikasi. Respons yang baik atau galakan daripada fasilitator akan dapat meningkatkan motivasi pelajar untuk memperkukuh komunikasi interpersonal secara berterusan. Pelajar perlu sedar bahawa pembelajaran digital dapat membantu mereka untuk mempersiapkan diri dengan kemahiran komunikasi sebelum melangkah ke alam pekerjaan.

Pembelajaran bahasa dapat mengembangkan keupayaan kognitif dan membuka peluang kerjaya yang lebih baik. Selain itu, pelajar dapat mengadakan jaringan kerjasama dengan pelajar tempatan mahupun luar negara, serta berkongsi budaya pembelajaran. Pembelajaran mesra budaya dapat menambah pengetahuan sosiolinguistik, mengeratkan hubungan sesama manusia dan membina keharmonian sejagat. Tegasnya, pembelajaran digital memberikan manfaat terhadap pembentukan ilmu, peribadi dan sahsiah pelajar secara menyeluruh.

Aplikasi penstriman video seperti YouTube dan TikTok pula dapat dimanfaatkan oleh pelajar untuk memuat naik atau memuat turun video pembelajaran yang padat dengan fakta tetapi disampaikan secara santai. Sebagai contoh, pelajar boleh merakam video berkaitan dengan isu semasa dalam durasi yang pendek dengan gaya tersendiri. Dalam hal ini, pelajar perlu merancang dengan rapi kandungan video agar mesej yang bermakna dapat disampaikan kepada pengguna. Melalui aplikasi tersebut, pelajar dapat mengembangkan kreativiti dan bakat berdasarkan minat dan ilmu pengetahuan yang ada.

Pembelajaran bahasa melalui aplikasi TikTok pula membolehkan pelajar mempelajari aspek kemahiran bertutur yang betul seperti sebutan, tekanan, jeda, mora, nada dan intonasi. Latihan pertuturan dapat membantu pelajar mempelajari sesuatu bahasa dengan pantas dan berkesan. Video pembelajaran bahasa yang boleh ditonton di mana-mana sahaja dan pada bila-bila masa dapat mewujudkan pembelajaran sendiri yang berkesan dan menyeronokkan.

Facebook juga merupakan antara media sosial popular yang sering digunakan oleh pelajar dalam memperkukuh pembelajaran digital. Penggunaan Facebook sangat meluas kerana kebanyakan pelajar



berkemampuan untuk mengakses sumber melalui aplikasi mudah alih seperti telefon pintar. Kajian terdahulu menunjukkan bahawa Facebook dapat menyokong interaksi pelajar dengan rakan sebaya, khususnya dalam perbincangan kandungan kursus, tugas dan perkongsian maklumat.

Berdasarkan pengalaman penulis, aplikasi Facebook dapat membantu pelajar menganalisis hasil kerja yang telah dimuat naik, memberikan penilaian peribadi, menghargai kreativiti dan menyokong potensi rakan lain. Pelajar boleh mewujudkan kumpulan tertutup dan berkomunikasi sesama ahli kumpulan, berkongsi sumber, maklumat, hebahan dan perasaan tentang masa hadapan. Sebagai contoh, pelajar yang memuat naik video tugas menggunakan kaedah main peranan dapat mengetengahkan kreativiti mereka untuk menghasilkan video yang menarik, penyampaian yang jelas dan gaya bahasa yang indah. Perkongsian video dalam kumpulan boleh menggalakkan pelajar mengambil bahagian secara aktif dengan memberikan komen dan maklumat balas untuk penambahbaikan kandungan video. Konsep kebersamaan sebagai satu pasukan dapat diwujudkan dan pelajar berasa selesa untuk berinteraksi kerana mereka saling menyokong antara satu sama lain.


Menjayakan Pembelajaran Digital

Dalam menjayakan pembelajaran digital, pelajar perlu mempunyai integriti dan kesedaran yang tinggi untuk menggalas tanggungjawab sebagai pelajar selari dengan Falsafah Pendidikan Negara. Ibarat bahu memikul hati menyokong, tanggungjawab menggali ilmu ini mesti digalas dengan ikhlas dan jujur agar matlamat sebenar pembelajaran tercapai sepenuhnya. Dalam hubungan ini, pelajar mesti diingatkan tentang adab dan etika pembelajaran, serta kepentingan mengamalkannya dalam apa-apa juga keadaan termasuk pembelajaran digital. Sebagai contoh, pelajar hendaklah membuka kamera dan audio jika diminta oleh pengajar semasa sesi perbincangan.

Isu adab dan etika timbul apabila pelajar memberikan alasan palsu seperti capaian Internet lemah, kamera tidak berfungsi, cuaca buruk dan sebagainya. Hal ini menunjukkan bahawa pelajar bukan sahaja tidak beradab tetapi tidak memahami konsep pembelajaran digital yang turut memfokuskan peningkatan pencapaian. Pengabaian terhadap proses pemerolehan ilmu akan membawa kerugian kepada pelajar kerana mereka tidak dapat menaakul kebaikan ilmu. Interaksi interaktif juga tidak berjalan dengan lancar jika pelajar mematikan fungsi audio dan video secara berterusan tanpa alasan yang kukuh. Hasil pembelajaran tidak akan tercapai jika pelajar berada dalam dunia pembelajaran sendiri dan leka dengan aktiviti di luar pembelajaran. Hal ini termasuklah membuat pekerjaan lain, bersembang, berhibur, bersikap pasif dan sebagainya yang secara terang-terangan melanggar etika pendidikan. Oleh itu, pelajar perlu memastikan mereka berada di landasan yang betul dan kekal cemerlang dalam apa-apa juga mod pembelajaran.

Keberkesanan Pembelajaran Digital

Keberkesanan pembelajaran digital memerlukan komitmen yang tinggi daripada pelajar demi memastikan pembelajaran tetap berjalan walaupun dihambat dengan pelbagai kekangan. Amalan



nilai murni seperti berdisiplin, sistematik, peka, amanah dan bertanggungjawab perlu sebatu dalam diri pelajar agar roh kecintaan terhadap ilmu kekal sepanjang hayat. Perkara asas yang boleh dilakukan oleh pelajar adalah dengan membuat persediaan awal sebelum pembelajaran bermula, termasuk mencari bahan tambahan yang dapat menyokong pembelajaran kursus. Pembelajaran sendiri ini dapat meningkatkan pemerolehan ilmu pengetahuan yang dikumpulkan daripada pelbagai sumber. Penekanan terhadap keupayaan berkomunikasi pula hendaklah dikaitkan dengan kesantunan bahasa supaya perbincangan idea dan hujah mengikut tertib yang sepatutnya walaupun disampaikan secara digital.

Secara keseluruhannya, pembelajaran digital merupakan keperluan semasa dalam dunia pendidikan abad ke-21. Kejayaan pembelajaran digital memerlukan kerjasama daripada semua pihak agar kekangan yang ada dapat ditangani dengan pelbagai cara. Pelajar pula tidak boleh alpa. Mereka perlu memanfaatkan teknologi masa kini dalam pembelajaran, terutama kemahiran komunikasi agar negara dapat melahirkan pemimpin digital yang petah berbicara.

Pembelajaran digital antara alternatif terbaik untuk merencanakan proses pembelajaran, khususnya dalam meningkatkan penguasaan bahasa dan kemahiran bertutur dalam kalangan pelajar. Hal ini dikatakan demikian kerana secara tidak langsung pelajar dapat meningkatkan kemahiran insaniah, mengasah potensi diri dan membina keyakinan terutama dalam bidang penguacapan awam.